

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN CHAN FOONG HIN**  
**[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH** : **4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 112**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada dengan adanya Kerajaan Bangsamoro yang baru dan keadaan yang makin stabil di Filipina Selatan, apakah rancangan Kerajaan Malaysia untuk membantu migran Filipina di Sabah kembali ke sana secara sukarela.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan tidak pernah menghalang malahan sangat menggalakkan golongan ini untuk pulang ke negara asal mereka. Perkembangan terkini di Selatan Filipina menyaksikan proses ke arah pembentukan Wilayah Autonomi Islam Mindanao Bangsamoro yang lebih berkesan atau *Bangsamoro Autonomous Region in Muslim Mindanao* (BARMM). Di samping itu, pelantikan Datuk Ibrahim Abdullah, bekas Duta Malaysia ke Perancis sebagai Utusan Khas Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) ke Selatan Filipina bagi tujuan proses damai juga sedikit sebanyak akan mempercepatkan usaha berkenaan dan seterusnya akan membawa kemajuan ekonomi dan politik di wilayah berkenaan. Adalah diharapkan bahawa keadaan ini akan menarik minat migran Filipina untuk kembali ke tempat asal mereka.

2. Kerajaan juga sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama terhadap usaha-usaha sama ada oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau Kerajaan Filipina dalam membawa pulang rakyat mereka.

Sekian, terima kasih.